

29/08/1997

Umat Islam perlu reformasi nilai hidup

Kamal Ahmad

PERSOALAN fikiran sempit, kolot, lemah, miskin dan kekeliruan akibat pelbagai pendapat, tafsiran serta fatwa mengenai ajaran Islam yang dibuat selepas 1,400 tahun Hijrah yang dikemukakan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyentap rasa dan hati sanubari hadirin persidangan serantau 'Menghadapi Cabaran Abad ke-21: Reformasi dan Cabaran Umat Islam Serantau' minggu lalu.

Hakikatnya, umat Islam hari ini bermusuhan-musuhan dan berperang sesama sendiri serta mudah diperalatkan musuh Islam untuk melemahkan lagi umat Islam. Mereka sering menuduh musuh Islam memecahbelahkan mereka tetapi kesedaran itu tidak mendorong mereka menghentikan kegiatan yang tidak menguntungkan umat Islam.

Renunglah persoalan berikut yang dikemukakan oleh Perdana Menteri dalam persidangan itu. Kenapakah di peringkat awal apabila Arab Jahiliah menganuti Islam mereka menjadi umat yang begitu dinamik? Apakah umat Islam yang bermusuhan-musuhan sesama sendiri, keliru, kolot, miskin dan lemah dapat menikmati apa-apa di zaman maklumat abad ke-21?

Apakah semua pelajar Islam perlu menjadi pakar dalam bidang agama sehingga tidak ada yang mempelajari bidang yang boleh memaju dan menyelamatkan umat Islam? Apakah penguasaan bidang lain yang penting untuk menyelamatkan orang Islam tidak menjadi sebahagian fardu kifayah? Apakah tidak bersalah orang Islam kerana hari ini tidak ada satu pun kuasa besar Islam? Apakah tidak bersalah orang Islam jika kerana lemah dan kecewa, mereka menolak persaudaraan dalam Islam dan bermusuhan sesama sendiri? Apakah tidak bersalah masyarakat Islam amnya jika kerana kecewa dengan kelemahan orang Islam disebabkan oleh pengabaian ilmu yang penting; ada umatnya yang menolak Islam dan menjadikan negara mereka sekular?

Memandangkan keadaan itu, apakah reformasi yang diperlukan oleh umat Islam sedunia yang boleh menyedia dan menjayakan mereka dalam menghadapi cabaran abad ke-21?

Jawabnya, reformasi yang perlu dilakukan adalah reformasi nilai hidup yang dipegang oleh umat Islam supaya ia lebih berasas kepada ajaran Islam yang tidak dicampuradukkan dengan ajaran, tafsiran dan fatwa yang mengelirukan yang tidak berasaskan al-Quran dan hadis.

Jika cetusan pemikiran Dr Mahathir direnung dan diinsafi, kita perlu melaksanakan satu reformasi fikiran. Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) dan Ikatan Cendekiawan Muslim Indonesia (ICMI) adalah pihak yang akan menggerakkan reformasi itu. Ia bukan setakat di Asia Tenggara malah menyedarkan pertubuhan Islam di seluruh dunia bahawa kita kesuntukan masa dan reformasi itu perlu disegerakan. Pertubuhan Negara Islam (OIC) perlu dikejutkan daripada mimpi panjangnya dan tidak lagi hanya berkata 'Oh I see'. Usaha mesti dilakukan untuk menamatkan sengketa dalaman di Afghanistan, Chechnya, Iran, Iraq, Asia Barat, Palestin-Israel, Asia Selatan dan Afrika.

Asia Tenggara adalah antara benteng Islam paling kukuh. Di rantau ini ada lebih 200 juta umat Islam yang berpegang teguh mazhab Ahlul Sunnah wal-Jamaah. Ada 10.3 juta umat Islam di Malaysia, Indonesia (170 juta), Thailand (6.5 juta), Filipina (7.3 juta), Singapura (0.45 juta).

Oleh itu, Ikim dan ICMI mewakili sekumpulan umat Islam yang besar di dunia dan perlu menjadi tunggak penggerak sebarang usaha menjana perkongsian idea dan keputusan bagi umat Islam di rantau ini.

Sebagaimana yang disepakati Ikim-ICMI dalam Deklarasi Kuala Lumpur ialah

melaksanakan pembangunan saluran komunikasi Internet Muslim dikenali sebagai Cyberummah. Ternyata, tugas berat menanti Malaysia untuk melaksanakan Cyberummah kerana negara Islam lain melihat ada kekuatan projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

Gejolak kehidupan alaf ke-21 menyebabkan tidak ada sesiapa yang boleh mengasingkan diri. Sesiapa yang memperolehi maklumat dan tahu menggunakannya akan menguasai politik dan ekonomi dunia.

Aspek kewangan dan ekonomi adalah cabaran getir umat Islam pada abad ke-21. Apakah umat Islam memiliki kekuatan itu? Hari ini, tidak ada sesiapa yang mampu menyekat ganggu gugat spekulator Yahudi, George Soros. Dr Mahathir berkata: "Kita akui bahawa kita mempunyai cukup alat untuk membuat apa yang Soros buat tetapi kita tidak cekap menggunakannya. Soros mempunyai wang yang banyak dan otak yang pintar. Ada antara kita (umat Islam) mempunyai wang yang lebih banyak daripada Soros tetapi tidak tahu memainkan pasaran kewangan."

Ikim sebelum ini berjaya menganjurkan seminar di peringkat nasional dan antarabangsa seperti Islam and Justice; Islam and Tolerance; Islamic Civilization; Islam and Industrialisation; Islamic Values and Management; Quality and Productivity in Islam; Ethics For Profit; manakala seminar dengan badan antarabangsa ialah The Role and Influence of Religions on Society bersama Goethe Institute of Germany; Islam and Its World View: An American Perception (Malaysian American Commission for Educational Exchange); The Islamic World an Global Co-operation: Preparing For The 21st Century (Oxford Centre For Islam Studies).

Memandangkan keupayaan ini, melalui sekretariat tetap Ikim-ICMI, satu gerakan mereformasikan fikiran umat Islam boleh dilakukan bermula di Asia Tenggara kemudian dikembangkan ke seluruh dunia. Ikim-ICMI harus melihat tugas seperti berikut:

- \* Menggerakkan usaha menguasai ilmu yang selama ini didakwa tidak Islam dan tidak perlu dipelajari orang Islam. Kaji sejarah keagungan Islam yang ketika itu turut mencipta ilmu astronomi, algorithm, pelayaran, perubatan dan algebra;

- \* Menggerakkan kesedaran menghayati sikap Rasulullah dan ajaran Islam supaya umatnya bersabar, bersaudara, tabah hati, berdisiplin, patuh kepimpinan Muhammad dan mengamalkan musyawarah;

- \* Menggerakkan kefahaman bahawa Islam menganjurkan kerjasama erat tanpa sebarang batasan politik, sosial, geografi dan budaya;

- \* Mempromosikan Islam sebagai agama yang amat komprehensif, merentasi segala aspek hidup selain dinamis dan relevan dalam menghadapi segala jenis reformasi dan cabaran;

- \* Menjadi wadah semua input pemikiran Islam antarabangsa kemudian memprosesnya dan menyebarkan semula ke rantau ini;

- \* Mencetuskan usaha mereformasi OIC;

- \* Mencetuskan usaha ke arah musyawarah teknokrat, birokrat, korporat dan konglomerat Muslim;

- \* Mencetuskan usaha mengumpulkan dana untuk membiayai pelajar Islam khusus untuk mengkaji ilmu yang berjaya menjulang Islam ketika zaman kemuncak empayar Islam; dan

- \* Menggerakkan usaha mengeksport dasar dan sistem. Dasar persyarikatan Malaysia, penswastaaan, memakmurkan jiran, perkongsian kuasa dan keadilan sosial; dan sistem kewangan serta insurans Islam adalah antara produk buatan Malaysia yang boleh dieksport sekali gus membuktikan Islam mempunyai dasar dan sistem hebat dan adil.

Berdasarkan inti pati Deklarasi yang dicapai di persidangan itu, tugas berat menanti Malaysia dan Indonesia. Lapan deklarasi itu ialah mengembalikan martabat bahasa Melayu sebagai lingua franca dan ilmu bahasa serantau serta antarabangsa; wewujudkan badan kerjasama antara institusi

latihan dan bimbingan sumber tenaga manusia di bidang jurnalistik dan komunikasi massa; melaksana pembangunan Cyberummah dengan mengambil sempena kekuatan di Malaysia dalam MSC; menubuhkan konsortium yang didukung badan atau syarikat yang berfungsi mempromosikan bahan penerbitan dalam bentuk buku, multimedia dan program TV di pasaran serantau serta antarabangsa.

Mewujudkan program berkembar antara institut pengajian tinggi serantau dan sistem pengajian jarak jauh; mewujudkan pangkalan data informasi berkaitan profesional dan kepakaran tertentu; bekerjasama meningkatkan pelaburan kewangan dan perdagangan serantau seperti menubuhkan Pusat Dana Islam Serantau; mendorong penyertaan umat Islam dalam program penswastaan, perusahaan dan institusi takaful; dan merangsang umat Islam giat dalam pelaburan unit amanah, pasaran kewangan dan pasaran modal.

Untuk melaksanakan misi itu, usaha pertama yang perlu dilakukan ialah memulihkan kekuatan umat dan negara Islam walaupun ia memakan masa. Ia memerlukan kepada kestabilan politik, kecekapan pentadbiran, penguasaan ilmu, pengumpulan kekayaan, pemilikan perusahaan strategik dan pembangunan pertahanan yang berkemampuan menyelamatkan negara dan umat Islam.

(END)